

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH
(MBMB)

Oleh

ROHANA BINTI ZAKARIAH
Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi Dan Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Ekologi Dan Sosial
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2005

012604

1100039830

LI 71 FPE 1 2005



1100039830
Laporan akhir latihan industri di Majlis Bandaraya Melaka
Bersejarah (MBMB) / Rohana Zakariah.



PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100039830

1100039830		

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

71
FPE
1
2005



DEDIKASI KHAS KEPADA:

IBU BAPA

- *En Zakariah Bin Pari*
- *Pn. Che Chah Binti Kanchil*

PENYELIA KUSTEM

- *Cik Nor Hayati Bt Saat*

PENYELIA INDUSTRI

- *Cik Nor Fadzlina Bt Mohd Sharif*
 - *En. Sulaiman B Md Sam*



*SEMUA YANG MEMBANTU DIDALAM MENYIAPKAN
LAPORAN INDUSTRI INI...*

"Semoga Tuhan Akan Membalas Jasa Baik Anda Semua..."




APPENDIX E

PENGESAHAN PERAKUAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya **ROHANA BINTI ZAKARIAH**, No. Matrik **UK 8695** mengaku bahawa Laporan Latihan Industri ini bagi **KURSUS SOS 4299** adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) KUSTEM tidak terlibat dengan isi kandungan laporan ini.

Tandatangan




.....

Nama: Rohana Binti Zakariah

Tarikh : 17 OKTOBER 2005

Disahkan Oleh:



.....

Cik Nor Hayati Bte Saat

Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

(KUSTEM)



PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan syukur kehadiran Ilahi dengan limpah kurnia-Nya saya dapat menyiapkan Laporan Industri ini dengan sempurna setelah menjalani Latihan Industri di Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) selama 12 minggu semasa cuti pertengahan semester.

Di sini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Penyelia KUSTEM Cik Nor Hayati bt Saat yang telah banyak menegur serta memberi tunjuk ajar sepanjang menyiapkan laporan Latihan Industri ini. Tidak lupa juga saya ucapkan setinggi penghargaan kepada Pihak Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) yang membenarkan saya menjalani Latihan Industri di Majlis Bandaraya Melaka bermula dari 21 Mac 2005 sehingga 11 Jun 2005.

Setinggi penghargaan juga kepada pihak Majlis Bandaraya Melaka yang sudi menerima saya menjalani Latihan Industri di MBMB. Penghargaan seterusnya ditujukan kepada Penyelia Industri Cik Norfadzlina bt Mohd Sharif yang banyak memberi tunjuk ajar kepada saya semasa menjalani Latihan Industri di Jabatan Pengurusan, MBMB dan tidak lupa juga jutaan terima kasih kepada kakitangan Jabatan Pengurusan yang sudi memberi banyak tunjuk ajar dan ramah serta memberi kerjasama pada saya sepanjang menjalani Latihan Industri di sana. Terima kasih ini ditujukan kepada Pengarah Jabatan Pengurusan iaitu Tn Hj Abdul Aziz bin Majid, En. Sulaiman Md Sam selaku Penolong Pengarah Jabatan Pengurusan, Tn. Hj. Hamyadi selaku Penolong Pegawai Tadbir Bahagian Personal serta pegawai dan kakitangan di Jabatan Pengurusan yang banyak memberi maklumat serta informasi berkaitan MBMB dan perkhidmatan yang lain-lain.

Akhir sekali tidak lupa juga penghargaan kepada ahli keluarga saya terutamanya En. Zakariah bin Pari dan Pn. Che Chah bt Kanchil yang sentiasa



memberi dorongan serta sokongan dari segi mental dan kewangan kepada saya bagi menamatkan latihan industri ini. Juga tidak lupa penghargaan kepada rakan seperjuangan yang memberi tunjuk ajar dan sama-sama mencari bahan serta maklumat tambahan bagi menghasilkan laporan Latihan Industri yang berkualiti dan baik.

Segala jasa baik dan pertolongan yang diberikan oleh semua pihak amat saya hargai. Semoga tuhan akan membalasnya kemudian kelak. Besar harapan saya semoga laporan Latihan Industri yang dihasilkan ini dapat memberi manfaat serta dapat dijadikan sebagai bahan rujukan kepada mahasiswa pada masa yang akan datang. Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada semua yang telah terlibat dan membantu saya sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam menghasilkan laporan Industri ini.

“ Sesungguhnya, segala kekurangan itu adalah kelemahan dari diri saya sendiri dan yang sebaik-baiknya itu datangnya dari kekuasaan dan keagungan Allah S.W.T...”



RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan Industri merupakan satu kursus penting yang perlu diambil oleh semua pelajar Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE). Tujuan Latihan Industri selama 12 minggu ini diadakan adalah untuk mendedahkan pelatih kepada alam pekerjaan sebenar yang bakal ditempuhi setelah bergraduat. Selain itu, organisasi yang dipilih juga merupakan penentu bagi membolehkan seseorang pelatih itu menonjolkan kelebihan yang ada pada dirinya.

Di samping itu juga bertujuan memberi pendedahan kepada pelatih dalam mengaplikasikan apa yang dipelajari di universiti ketika menjalani Latihan Industri. Pelatih juga dapat mempelajari cara pentadbiran dan pengurusan, mengenal-pasti sistem sedia ada dan juga permasalahan yang dapat dilihat semasa menjalani Latihan Industri. Disamping, dapat mengemukakan cadangan penyelesaian dalam laporan Latihan Industri yang dibuat selepas tamat tempoh menjalani Latihan Industri. Pelatih menggunakan analisis SWOT dalam menganalisis masalah dan keseluruhan penemuan. Selain itu juga Latihan Industri ini memperlihatkan sejauhmana praktik komunikasi pelatih dengan pegawai, pekerja serta pihak pelanggan di organisasi di mana pelatih menjalani Latihan Industri.

Organisasi yang yang dipilih pelatih untuk menjalani Latihan Industri adalah Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB). Pelatih telah ditempatkan di Jabatan Pengurusan Bahagian Latihan Dan Kualiti. MBMB terletak ditengah-tengah Negeri Melaka. Ia beralamat di Bangunan Graha Makmur, No.1, Lebuhraya Ayer Keroh, Bukit Beruang, Melaka Bersejarah. Kawasan tadbir MBMB seluas 303 km persegi yang merangkumi kawasan daerah Melaka Tengah dengan jumlah penduduk seramai 321,390 orang iaitu lebih kurang 55.1% daripada jumlah penduduk Negeri Melaka.

MBMB merupakan sebuah pihak berkuasa tempatan (PBT) yang berorientasikan perkhidmatan rakyat. Selain itu, MBMB juga berperanan sebagai penggerak utama dalam menjadikan Melaka sebuah Bandaraya dinamik, maju dan indah. Tumpuan ditekankan kepada sektor-sektor pertanian, perindustrian dan yang terkini pelancongan. MBMB juga mempunyai peranan yang penting di dalam memaju dan membangunkan kawasan pentadbirannya. Di Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) merangkumi 13 jabatan. Antaranya ialah Jabatan Pengurusan. Selain itu, terdapat juga Jabatan Kewangan, Jabatan Penilaian Harta, Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Kawalan Bangunan, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Pengindahan Bandar, Jabatan Pelesenan & Kesihatan, Jabatan Teknologi Maklumat, Jabatan Perundangan & Penguatkuasaan, Jabatan Pengurusan Korporat & Hal Ehwal Awam, Jabatan Projek Masyarakat & Rumah Pangsa dan Jabatan Pengurusan dan Sistem Letak Kereta.



MBMB mempunyai kumpulan pecahan pegawai dan kakitangan yang terdiri daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional, Kumpulan Sokongan I, Kumpulan Sokongan II serta Perlantikan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Jabatan Pengurusan MBMB merupakan salah satu daripada 13 jabatan yang terdapat dalam Organisasi MBMB yang berfungsi sebagai nadi penggerak utama Majlis. Matlamat Jabatan Pengurusan ialah memastikan pengurusan pentadbiran yang cekap dan berkesan di samping memberi kebajikan dan perkhidmatan yang baik kepada kakitangan MBMB.

Kesimpulannya, MBMB merupakan satu saluran efektif yang berperanan membantu rakyat Negeri Melaka dalam menyelesaikan sebarang masalah berkaitan perkhidmatan yang disediakan. Selain itu, MBMB juga merupakan sebuah badan yang ditugaskan untuk memberi perkhidmatan yang selesa kepada rakyat Negeri Melaka.

“Melawat Negeri Melaka Bersejarah Beerti Melawat Malaysia”

“Bandaraya Makmur, Cabaran Kita”